

TERMA & SYARAT SSP EDISI KHAS

TERMS & CONDITIONS OF SPECIAL EDITION SSP

1. Skim SSP Edisi Khas ini terbuka kepada semua pelanggan baru dan sedia ada yang berumur 12 tahun dan ke atas dengan syarat membuat simpanan SSP minimum untuk tempoh kempen yang dilanjutkan **sehingga mencapai kuota BSN SSP SE** melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh BSN. BSN merizabkan hak untuk meminda tempoh kempen pada bila-bila masa, dengan memberi notis sekurang-kurangnya dua puluh satu hari (21) hari sebelum pindaan berkuatkuasa.
*Special Edition SSP scheme is open to all new and existing customers aged 12 years and above who save in SSP for the campaign period continue **until reach capping** BSN SSP SE unless notified otherwise by BSN. BSN reserves the right to amend the Campaign Period at any time, by giving a minimum of twenty one (21) days prior notice before the changes take effect*
2. Urusniaga Skim SSP Edisi Khas ini adalah dikendalikan mengikut konsep Syariah seperti di bawah serta peruntukan undang-undang yang berkaitan.
Special Edition SSP scheme is operated and transacted under the following Syariah concepts and relevant provisions under the applicable laws.
 - a) Murabahah Komoditi (Tawarruq) yang merujuk kepada transaksi jual beli komoditi sebagai aset pendasar dengan harga tangguh secara Murabahah(akad jual beli dengan pendedahan harga kos dan margin keuntungan) dan menjualnya kepada pihak ketiga bagi memperoleh wang tunai.
Commodity Murabahah (Tawarruq) which refers to buying and selling of commodities as underlying assets cost price and profit margin) and sell it to a third party for cash.
 - b) Wakalah (kontrak perwakilan) dengan menggunakan struktur 'dual agency 'yang merangkumi:-
Wakalah (Agency contract) which adopts a 'dual – agency arrangement which involves the followings:-
 - i) Pelantikan Bank sebagai wakil pelanggan untuk membeli komoditi daripada pihak ketiga.
The appointment of the bank who act as an agent to the buy the commodity on behalf of the customer from a third child.
 - ii) Pelantikan Bank sebagai wakil pelanggan untuk menyempurnakan penjualan komoditi.
The appointment of the Bank who act as an agent on behalf of the customer to conclude the selling of the commodity to the Bank on Murabahah basis.
3. Pelanggan adalah layak menyimpan dengan Skim SSP Edisi Khas ini berdasarkan pada kriteria berikut:-
Customers are entitled to save in the Special Edition SSP Scheme based on the following criteria:-

Kategori SSP Edisi Khas <i>Special Edition SSP Category</i>	Amaun Simpanan Minimum Dalam Satu Transaksi Tunggal <i>Minimum Savings Amount In A Single Transaction</i>	Tempoh Pengekalan Simpanan <i>Savings Retention Period</i>	Kadar Keuntungan % <i>Profit rate %</i>
SSP 12-Bulan <i>12-Month SSP</i>	RM3,000 – RM 5,000	12 bulan <i>12 Months</i>	1.50%
	RM5,010 – RM10,000		1.60%
	RM10,010 – RM20,000		1.80%
	RM20,010 dan ke atas <i>RM20,010 and above</i>		2.00%

4. Amaun simpanan minimum akan ditandakan oleh sistem mengikut tempoh pengekalan simpanan.
The minimum savings amount will be tagged by the system according to the saving retention period.

5. Simpanan baru hendaklah dilakukan dalam satu transaksi tunggal (satu sijil) dengan amaun minimum yang telah ditetapkan seperti di Perenggan 3 di atas.
The new savings must be made in a single transaction (one certificate) in accordance to the specified minimum savings amount in Paragraph 3 above.
6. Simpanan adalah secara tunai, debit akaun dan cek melalui kaunter BSN sahaja.
Savings can be made by cash, account debiting and cheque via BSN counter only.
7. Pertukaran simpanan SSP normal kepada SSP Edisi Khas adalah tertakluk kepada penggenapan amaun minimum dalam setiap sijil unit tunggal **MANAKALA** penggenapan amaun minimum melalui kombinasi lebih dari satu sijil unit adalah tidak dibenarkan.
Conversion normal SSP savings to SSP Special Edition is subject to the fulfilment of the minimum saving amount in each of the single certificate HOWEVER the fulfilment of a minimum savings amount through a combination of more than one certificate is not allowed.
8. SSP Edisi Khas hanya membenarkan penebusan penuh.
The SSP Special Edition is allowed full redemption.
9. Penebusan awal sebelum tamat tempoh pengekalan simpanan adalah dibenarkan tetapi ianya tertakluk kepada terma dan syarat penebusan SSP sedia ada.
Early redemption before expiry of the saving retention period is allowed and shall be subject to the existing terms and conditions of SSP redemption.
10. Sekiranya pelanggan membuat penebusan atau permintaan awal terhadap harga jualan (amaun simpanan beserta keuntungan) sebelum tarikh tamat tempoh pengekalan simpanan, pelanggan dengan ini mengesahkan dan bersetuju untuk memberikan rebat (Ibra') dengan melepaskan keseluruhan atau sebahagian keuntungan daripada harga jualan sepertimana yang dipersetujui dan seterusnya bersetuju dengan ketetapan berikut :
If customers make early redemption or demand for selling price (deposit amount plus profit) before its maturity date, customers hereby acknowledge and agree to grant rebate (Ibra') by release all or part of profit comprise in the agreed selling price and further agree that the following shall apply whereby:
 - a) Penebusan yang dilakukan dalam tempoh kurang daripada 1 bulan dari tarikh simpanan, pelanggan tidak layak menerima sebarang keuntungan.
Redemption made within the period less than one (1) month from the savings date, customers are not entitled to receive any profit.
 - b) Penebusan yang dilakukan selepas tempoh 1 bulan atau lebih dari tarikh simpanan, pelanggan hanya layak mendapat keuntungan berdasarkan kadar keuntungan indikatif BSN SSP.
Redemption made after the period of one (1) month or more from the savings date, customers only entitled to receive profit based on BSN SSP's indicative profit rate.
11. Pengiraan keuntungan adalah berdasarkan pada baki harian simpanan. Keuntungan akan dikira dan dibayar pada tarikh matang tempoh pengekalan simpanan.
The calculation of profit is based on the daily savings balance. Profit will be calculated and paid on maturity date of savings retention period.
12. SSP Edisi Khas yang tidak ditebus selepas tamatnya tempoh pengekalan simpanan akan ditukarkan kepada SSP biasa berdasarkan kontrak Mudarabah dan seterusnya akan tertakluk kepada terma dan syarat sedia ada bagi SSP biasa.
Special Edition SSP that are not redeemed after the expiry of savings retention period shall be converted to a normal SSP based on Mudarabah contract and thereafter shall be subjected to existing terms and conditions for normal SSP.

13. SSP Edisi Khas yang tidak ditebus selepas tamatnya tempoh pengekalan simpanan adalah layak untuk pengiraan kadar keuntungan yang berikutnya mengikut nisbah perkongsian keuntungan SSP sedia ada.
Special Edition SSP that are not redeemed after the expiry of saving retention period shall be eligible for subsequent calculation of the rate of profit based on profit sharing ratio of existing SSP
14. Skim SSP Edisi Khas ini adalah tambahan kepada terma dan syarat SSP yang sedia ada dan hendaklah dibaca bersama bagi tujuan skim ini.
This Special Edition SSP Scheme is additional to the existing SSP terms and conditions and shall be read together for the purpose of this scheme.